



**CENDERAHATI:** Taufiq (tiga kiri) menyampaikan cenderahati kepada Tun Juhar (tiga kanan) sempena kunjungan hormat itu.

## Juhar terima kunjungan hormat Naib Canselor UMS

UB 25.08.2021 P.2

**KOTA KINABALU:** Yang Dipertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin menerima kunjungan hormat daripada Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Datuk

Dr Taufiq Yap Yun di Istana Negeri, pada Isnin.

Taufiq berkata kunjungan bertujuan memaklumkan perkembangan dan pembangunan semasa dalam UMS,

termasuk penubuhan tiga fakulti baharu iaitu Fakulti Perhutanan Tropika, Fakulti Pengajian Islam dan Akademik Seni dan Teknologi Kreatif.

Dalam pada itu, beliau tu-

rut memaklumkan mengenai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) UMS yang kini dibuka secara jumpa terus dengan peruntukan 3,000 dos vaksin sehari.